

Bantuan Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman kepada Peminjam Sedia ada MyCreative yang layak di bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi ("PEMULIH")

Soalan Lazim

Senarai soalan lazim berikut adalah yang terkini dan dikemaskini pada 13 Julai 2021:

1. Apakah bantuan penangguhan bayaran balik PEMULIH ("RA") di bawah MyCreative?

MyCreative menawarkan bantuan penangguhan bayaran balik selaras dengan Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi PEMULIH yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia. Penangguhan ini akan bermula dari Julai 2021 sehingga Disember 2021 kepada semua peminjam yang layak dan mengalami pendapatan yang terjejas disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pandemik Covid-19. Bantuan ini akan diberikan kepada semua pelanggan sedia ada MyCreative dan diperluas kepada semua permohonan pinjaman yang telah diluluskan sebelum 1 Julai 2021.

2. Apakah kriteria kelayakan untuk memohon bantuan penangguhan bayaran balik di bawah pakej PEMULIH yang ditawarkan oleh MyCreative?

- Nilai jumlah pinjaman yang diluluskan sehingga sebelum 1 Julai 2021 dan pembiayaan tidak terjejas (tidak tertunggak melebihi 90 hari bagi prinsipal/pokok dan faedah);
- Pelanggan atau syarikat tidak diisytiharkan mufliis atau tidak tergolong dalam kategori hampir mufliis iaitu berada di dalam keadaan tidak berupaya melangsaikan sejumlah hutang dalam satu tempoh yang ditetapkan.

3. Apakah skim pinjaman yang terlibat di dalam bantuan penangguhan bayaran balik oleh MyCreative?

MyCreative menawarkan penangguhan bayaran balik untuk skim pinjaman yang disenaraikan di bawah:

- Kredit Pusingan / Revolving Credit("RC");
- Pinjaman Berjangka / Term Loan ("TL"); dan
- Pembiayaan Kontrak Pusingan / Revolving Contract Financing ("RCF").

Pembiayaan PENJANA.

- Pinjaman Pemulihan Perniagaan Industri Kreatif (PPPK); dan
- Pinjaman Mikro Bagi Usahawan Kreatif (PMUK).

4. Apakah prosedur permohonan untuk memohon bantuan penangguhan bayaran balik yang ditawarkan?

Permohonan boleh dihantar melalui emel ke moratorium2021@mycreative.com.my dengan menyertakan maklumat seperti berikut:

- Nama Syarikat:
- Nombor Pendaftaran Syarikat:
- Nama Pemohon:
- Nombor Kad Pengenalan Pemohon:
- Nombor Telefon Pemohon:
- Alamat Emel:
- Nombor Pinjaman/Akaun Pemohon:
- Jenis Pinjaman/Akaun yang dipohon:

5. Adakah sebarang faedah akan dikenakan kepada peminjam sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik diberikan?

Faedah tidak akan dikenakan semasa tempoh penangguhan bayaran balik berjalan, sebaliknya faedah yang terakru semasa penangguhan berjalan akan dibahagikan secara sama rata pada setiap bulan seterusnya sebaik sahaja tempoh bayaran balik bermula iaitu apabila tempoh 6 bulan penangguhan berakhir. Walau bagaimanapun, bagi skim pinjaman Pembiayaan Kontrak Pusingan (RCF), pembayaran balik faedah akan dikenakan setelah pemohon menerima bayaran balik dari syarikat penyiaran atau penganugerah kontrak yang diterima oleh pihak MyCreative.

6. Adakah MyCreative akan mengenakan caj tambahan seperti yuran pentadbiran kepada pemohon semasa proses permohonan bantuan penangguhan bayaran balik dibuat?

Tiada apa-apa caj tambahan seperti yuran pentadbiran akan dikenakan kepada pemohon yang telah memilih untuk mendapatkan bantuan penangguhan bayaran balik di bawah MyCreative.

7. Bagaimanakah saya boleh mengetahui status permohonan ini?

Status permohonan mengenai bantuan penangguhan bayaran balik akan dimaklumkan secara terus melalui e-mel yang sama.

8. Bilakah tarikh akhir untuk mengemukakan permohonan bantuan penangguhan bayaran balik?

Semua permohonan mestilah dihantar melalui e-mel pada atau sebelum 31 Julai 2021.

9. Apakah terma dan syarat permohonan yang perlu difahami bagi setiap pakej tawaran penangguhan bayaran balik di bawah PEMULIH?

Kredit pusingan / Revolving Credit (RC)

- Faedah akan terakru semasa tempoh moratorium;
- Tiada caj pembayaran lewat bayar akan dikenakan semasa penangguhan bayaran balik;
- Tiada lanjutan tempoh akan diberikan; dan
- Faedah yang terakrutidak akan di kompaun dan jumlah faedah akan dibahagikan secara sama rata ke dalam baki tempoh pinjaman.

Pinjaman Berjangka / Term Loan (TL)

- Faedah akan terakru semasa tempoh penangguhan bayaran balik;
- Tiada caj pembayaran lewat bayar akan dikenakan semasa penangguhan bayaran balik;
- Tiada lanjutan tempoh akan dikenakan; dan
- Faedah dan pokok/ prinsipal yang terakru akan dibahagikan sama rata ke dalam baki tempoh pinjaman.

Pembiayaan Kontrak Pusingan / Revolving Contract Facility (RCF)

- Faedah akan terakru semasa tempoh penangguhan bayaran balik;
- Tiada caj pembayaran lewat bayar akan dikenakan semasa penangguhan bayaran balik; dan
- Penyelesaian penuh faedah dan pokok/ prinsipal akan tercarum apabila menerima bayaran daripada syarikat penyiaran.

PENJANA: Pinjaman Pemulihan Perniagaan Industri Kreatif (“PPPK”) & Pinjaman Mikro Bagi Usahawan Kreatif (“PMUK”)

- Prinsipal pinjaman dan faedah yang perlu dibayar semasa moratorium akan terakruterus semasa tempoh penangguhan bayaran balik;
- Tiada caj pembayaran lewat bayar akan dikenakan semasa tempoh penangguhan bayaran balik;
- Tiada lanjutan tempoh bayaran balik akan dikenakan; dan
- Prinsipal pinjaman dan faedah terkumpul akan dibahagikan pada semua bulan seterusnya selepas penangguhan bayaran balik tamat dengan jumlah ansuran yang sama.

10. Sekiranya permohonan bantuan penangguhan bayaran balik saya ditolak, bolehkah saya membuat rayuan?

Keadaan ini mungkin berlaku jika permohonan anda tidak memenuhi terma dan syarat kelayakan seperti di soalan (2). Walau bagaimanapun, anda boleh mengemukakan rayuan dengan maklumat tambahan dan dokumen sokongan kepada emel yang sama di moratorium2021@mycreative.com.my.